

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan **Insurans Kebakaran**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah itu Insurans Kebakaran?

Insurans Kebakaran memberikan perlindungan kepada harta benda anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

No.	Jenis Manfaat
1.	Kebakaran, kilat dan letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik

Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan di bawah:

No.	Jenis Manfaat
1.	Pesawat udara dan/atau peranti udara yang gugur daripadanya
2.	Ribut, puting beliung dan angin taufan
3.	Banjir
4.	Gempa bumi dan letusan gunung berapi
5.	Penenggelaman dan gelinciran tanah
6.	Letupan
7.	Pecahan atau limpahan tangki air domestik atau paip
8.	Kebocoran pemercik air
9.	Hentaman oleh sebarang kenderaan atau haiwan
10.	Kebakaran belukar/lalang
11.	Pembakaran spontan
12.	Kerosakan oleh pokok tumbang atau dahan atau objek daripadanya
13.	Rusuhan, mogok dan kerosakan akibat niat jahat.

Nota:

1. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
2. Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi setiap tahun.
3. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Polisi anda tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

1. Kerugian akibat kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran;
2. Barangan yang dipegang sebagai amanah atau atas komisen;
3. Sekuriti, obligasi, sebarang dokumen, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer;
4. Bahan letupan;
5. Pembakaran harta benda atas perintah pihak berkuasa;
6. Pencemaran;
7. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perang atau risiko seumpamanya; atau
8. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran radioaktif, radiasi nuklear atau risiko seumpamanya

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans rumah, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari
<https://www.etiqa.com.my/rumah>



Email kepada
info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Insurans Kebakaran, jumlah premium yang perlu dibayar adalah dikira berdasarkan jumlah diinsuranskan, perlindungan tambahan (jika ada) dan keperluan pengunderaitan kami. Sebagai sampel ilustrasi untuk jumlah diinsuranskan RM 347,000.000, anda harus membayar premium tahunan sebanyak:

Premium Asas	RM 166.75
--------------	-----------

Anda juga harus membayar fi and caj berikut:

Komisen Dibayar Kepada Pengantara	15% daripada premium asas atau RM 25.01
-----------------------------------	---

Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium asas atau RM 13.34
--------------------	--

Duti Setem	RM 10.00
------------	----------

Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM 190.09
------------------------------	-----------

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4 Syarat Utama Lain

1. Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan.
2. Perlindungan insurans hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
3. Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas polisi. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.
4. Nilai pasaran – Anda perlu memastikan harta anda diinsuranskan pada jumlah yang berpatutan sepanjang masa, dengan mengambil kira pengubahsuaian dan penambahbaikan yang dilakukan. Jumlah yang diinsuranskan mesti melindungi kos membina semula rumah anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan.
5. Fasal Purata – Sekiranya jumlah yang diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda adalah dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaannya dan anda akan menanggung sebahagian daripada kerugian secara berkadar.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak untuk mendapat pengembalian premium berdasarkan tempoh insurans yang belum luput tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan dalam polisi dan jumlah premium minimum yang perlu kami kekalkan.